

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan


Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	<p>PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged) (“Dana”) bertujuan untuk menjana jumlah pulangan dalam jangka masa panjang dengan melabur terutamanya melalui portfolio aset global termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, deposit, mata wang, derivatif atau mana-mana instrumen kewangan lain secara langsung, dan / atau secara tidak langsung melalui mana-mana dana.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana ini akan melabur terutamanya dalam dana-dana pelaburan [Dana(-dana) Sasaran] untuk mencapai objektif pelaburan. Dana(-dana) Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan ke, atau Dana(-dana) Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p> <p>Dana mungkin lindung nilai sehingga 100% daripada pendedahan mata wang asing dengan menggunakan derivatif (e.g. kontrak depan mata wang).</p> <p><i>Nota: Rujuk kepada maklumat tambahan untuk butir-butir Dana(-dana) Sasaran.</i></p>
Peruntukan Aset	<p>Dana ini akan melabur sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana(-dana) Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Baki Nilai Aset Bersih (NAV) Dana akan dilaburkan dalam aset cair.</p>
Piawaian Prestasi	<p>Piawaian prestasi aras akan berubah mengikut Dana(-dana) Sasaran dasar. Pada permulaan, penanda aras adalah:</p> <p>40% Bloomberg Barclays US High Yield 2% Issuer Cap Index + 35% MSCI World Index + 25% Bloomberg Barclays Global Credit Index</p> <p><i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari https://www.bloombergindices.com/bloomberg-barclays-indices/ dan www.msci.com</i></p>
Pengurus Dana	Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)
Yuran & Caj	
Caj Pengurusan Dana	1.25% setiap tahun
Caj-caj Lain, jika ada	Tiada

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged) Vs.
40% Bloomberg Barclays US High Yield 2% Issuer Cap Index + 35% MSCI World Index + 25% Bloomberg Barclays Global Credit Index



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Global Managed Fund SGD-Hedged	Piawain Prestasi 40% Bloomberg Barclays US High Yield 2% Issuer Cap Index + 35% MSCI World Index + 25% Bloomberg Barclays Global Credit Index
2019	2.55% *	3.74% *

*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2019

Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

Maklumat Tambahan untuk PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Pada permulaan, Dana ini akan melabur dalam Dana Sasaran denominasi SGD yang bernama JPMorgan Investment Funds – Global Income Fund A (acc) – SGD (hedged) (“Dana Sasaran”) yang diuruskan oleh JPMorgan Asset Management (Europe) S.à r.l.

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

Dana Sasaran bertujuan untuk menyampaikan pendapatan dengan risiko optimum dengan pertumbuhan modal. Piawaian prestasi Dana Sasaran bukan ukuran bagi pulangan relatif; sebaliknya piawaian prestasi digunakan sebagai ukuran bagi risiko dan penanda bagi jenis kelas aset di mana Dana Sasaran dijangka untuk melabur. Dana Sasaran akan melabur terutamanya dalam portfolio sekuriti yang menjana pendapatan seperti sekuriti hutang, sekuriti ekuiti dan Amanah Pelaburan Hartanah ("REITs"). Penerbit sekuriti ini boleh berasal dari mana-mana negara, termasuk pasaran baru muncul.

Dana Sasaran boleh melabur dalam China A-Shares melalui Program Stock Connect China-Hong Kong.

Dana Sasaran juga boleh melabur dalam aset lain termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sekuriti boleh tukar dan kontrak hadapan pertukaran mata wang asing. Dana Sasaran boleh melabur dalam pelaburan di bawah gred dan sekuriti hutang yang tidak dinilai serta dalam instrumen derivatif kewangan untuk mencapai objektif pelaburannya. Instrumen sedemikian juga boleh digunakan untuk tujuan lindung nilai.

Prestasi dana JPMorgan Investment Funds – Global Income Fund A (acc) – SGD (hedged) pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Tahun	2019	2018	2017	2016	2015
Prestasi Bersih	13.21%	-5.41%	8.25%	6.98%	-2.60%*

*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

Nota: Pulangan di atas adalah untuk Dana Sasaran (Kelas A, SGD Hedged) yang berdenominasi dalam SGD.

Sumber: J.P. Morgan Asset Management, Morningstar, pada 31 Disember 2019

Caj pengurusan dana boleh dikenakan pada peringkat Dana dan/atau Dana(-dana) Sasaran. Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.25% setahun, yang merupakan gabungan bagi caj pengurusan dana tahunan pada peringkat Dana dan Dana(-dana) Sasaran. Sebagai tambahan, Dana mungkin menanggung kos lindung nilai apabila derivatif (e.g. kontrak depan mata wang) digunakan untuk tujuan melindungi nilai.

Dana(-dana) Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Bursa ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif yang lain mungkin dikenakan yuran tambahan pada peringkat Dana(-dana) Sasaran yang diambil sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan untuk meningkatkan prestasi dana.

Risiko-Risiko Pelaburan bagi PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya, dijejaskan oleh, di antara lain-lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kelembapan atau ketidakstabilan akibat

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan bagi Dana ini.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat.

Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka, mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana-dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana-dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

Risiko Kredit / Kemungkiran

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkiran sekiranya penerbit instrumen tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkaran dalam pembayaran wang pokok dan faedah.

Risiko Ketidapatuhan

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidapatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

Risiko Tumpuan

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh dikurangkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

Risiko Syarikat Pengurusan

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam SGD, manakala Dana(-dana) Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang SGD dan mata wang Dana(-dana) Sasaran. Di mana berkenaan, instrumen lindung nilai mata wang atau kelas dana lindung nilai mata wang daripada Dana(-dana) Sasaran mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

Risiko Derivatif

Derivatif (e.g. kontrak depan mata wang) mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana(-dana) Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada risiko mata wang. Dana mungkin melindungi nilai sehingga 100% pendedahan mata wang asing menggunakan derivatif (e.g. kontrak depan mata wang).

Risiko Portfolio

Dana ini bertujuan untuk pelabur-palabur yang boleh menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti yang dipegang dalam Dana. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko-risiko yang berkaitan dengan ekuiti dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, termasuk naik turun harga pasaran, penerbit buruk atau maklumat pasaran dan hakikat bahawa ekuiti dan faedah yang berkaitan dengan ekuiti adalah lebih rendah dalam hak pembayaran dari sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap tertakluk kepada risiko-risiko yang berkaitan dengan sekuriti hutang termasuk risiko kredit dan risiko kadar faedah, dan risiko tambahan yang berkaitan dengan sekuriti hutang hasil tinggi, penyertaan dalam pinjaman dan sekuriti derivatif. Di samping itu, pelabur-pelabur harus sedar tentang risiko-risiko yang berkaitan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka akan digunakan oleh Dana.

Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana(-dana) Sasaran atau Dana(-dana) Sub (secara kolektif dikenali sebagai "Dana(-dana) Sasaran")

Risiko Sekuriti

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Pengurus Dana(-dana) Sasaran berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

Risiko Pengurusan Dana(-dana) Sasaran

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana(-dana) Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana(-dana) Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana(-dana) Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang mana Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana(-dana) Sasaran

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran akan terjejas dengan itu, Dana(-dana) Sasaran akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana(-dana) Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana(-dana) Sasaran (tertakluk kepada undang-

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

undang bidang kuasa di mana Dana(-dana) Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana(-dana) Sasaran mahupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana(-dana) Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana(-dana) Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

Risiko Negara-negara atau Sekuriti-sekuriti Asing

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran dan maka juga boleh menjejaskan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran.

Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti-sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti.

Pengurus Dana(-dana) Sasaran akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana(-dana) Sasaran diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Dana(-dana) Sasaran juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematik, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini.

Risiko Mata Wang

Pelaburan dasar Dana(-dana) Sasaran ini mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berlainan daripada mata wang Dana(-dana) Sasaran. Prestasi Dana(-dana) Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang pelaburan dasar dan mata wang Dana(-dana) Sasaran.

Risiko Caj-Caj kepada Modal

Caj-caj dan perbelanjaan Dana(-dana) Sasaran adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

Sekatan pada Pelaburan Asing

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan-sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian kemudiannya gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur-pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana(-dana) Sasaran untuk membuat pelaburan yang diingini pada masa tersebut.

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

Risiko Derivatif

Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko-risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpilan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana(-dana) Sasaran ini. Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpilan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana(-dana) Sasaran ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana(-dana) Sasaran.

Risiko Berkaitan dengan Pelaburan melalui Stock Connect

Undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan Stock Connect adalah tertakluk kepada perubahan yang mungkin mempunyai kesan negatif. Stock Connect tertakluk kepada had-had kuota. Kalau penggantungan dalam program perdagangan berlaku, keupayaan Dana Sasaran untuk melabur di China A Shares atau mengakses pasaran PRC melalui program akan terjejas dengan ketara. Dalam keadaan demikian, keupayaan Dana Sasaran untuk mencapai objektif pelaburannya mungkin terjejas.

Senarai di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko yang lengkap, yang perlu dipertimbangkan oleh pemegang-pemegang polisi sebelum membuat pelaburan dalam Dana. Pemegang-pemegang polisi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.

Pengurusan Risiko

Risiko Peramalan

Risiko-risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor-faktor utama seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

Kawalan Sistem

Parameter-parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter-parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti-sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

PRULink Global Managed Fund (SGD-Hedged)

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko-risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

Maklumat Lain

- Pasaran Sasaran

Dana ini sesuai untuk Pemegang-pemegang polisi yang:

- Mencari peningkatan modal dalam tempoh pelaburan jangka masa panjang.
- Mempunyai toleransi risiko yang sederhana ke tinggi.

- Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian

- Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.
- Harga unit bagi Dana ini pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan dengan nilai dana dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.
- Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana **PRULink** Global selepas pemotongan belanja bagi pengurusan, memperolehi, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.
- Syarikat akan menilai pelbagai Dana-dana **PRULink** Global pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai pelaburan Dana-dana **PRULink** Global dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti, Harga Unit dana **PRULink** Global akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).
- Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat kepada nilai dana untuk memulihkan sebarang amaun di mana Dana ini telah atau dijangka untuk membayar bagi penghasilan dan pembatalan unit-unit.

- Keadaan-keadaan Luar Biasa

- Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% daripada mana-mana Dana **PRULink** Global yang lebih pada suatu Hari Penilaian.
- Syarikat juga berhak dalam keadaan-keadaan pengecualian (sebagai contoh, apabila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.
- Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusan niaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada Orang Diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana Dana **PRULink** Global.

Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.